

## Kecemerlangan Akademik, Penyelidikan dan Penulisan: Pencapaian Dalam Sedekad KONAKA

*Muzamil Mustaffa  
Sarina Hashim  
Jamaludin Kassim  
Ainun Jariah Manaf  
Fatimah Abdol Latif  
Wan Siti Atikah Wan Omar*

### ABSTRAK

*Kertas kerja ini membincangkan kecemerlangan akademik, penyelidikan dan penulisan di Universiti Teknologi MARA (Pahang) setelah sedekad Konferensi Akademik (KONAKA) di kampus ini dilaksanakan. Analisa dan interpretasi data diperolehi daripada koleksi kertas kerja para pensyarah yang telah diterbitkan dalam prosiding KONAKA sejak tahun 2003 hingga 2012. Subjek akademik, penyelidikan dan penulisan dipilih kerana item ini sangat penting dan merupakan tugas utama setiap pensyarah. Selain itu, ia adalah tonggak penting penentu kecemerlangan sesebuah universiti. Hasil daripada kajian ini menunjukkan para pensyarah di UiTM (Pahang) mampu melahirkan idea yang bernas dan kreatif dalam melakukan penambahbaikan kepada sistem akademik, sama ada untuk kumpulan pentadbir, para pensyarah, mahupun kepada siswa-siswinya. Sumbangan penyelidikan dan penulisan amat memberangsangkan merangkumi pelbagai bidang dan disiplin dan dibentang atau diterbitkan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Hasil penyelidikan, penulisan serta komitmen sebagai ahli jawatankuasa KONAKA diiktiraf sebagai sumbangan bermakna untuk universiti dalam kriteria kenaikan pangkat pensyarah atau anugerah-anugerah lain yang berkaitan. Selain itu terdapat banyak sumbangan yang telah dipraktikkan seperti sistem pembelajaran maya, prosedur akademik serta kaedah pembelajaran berkesan dalam dan luar bilik kuliah. KONAKA membawa manfaat yang besar untuk pensyarah UiTM (Pahang) dan wajar diteruskan. Cadangan penambahbaikan turut dikemukakan agar KONAKA sentiasa mempunyai nilai tambah dan memberi impak kepada UiTM (Pahang) khususnya dan UiTM secara keseluruhannya.*

**Kata Kunci:** *KONAKA, akademik, penyelidikan, penulisan, Universiti Teknologi MARA (Pahang)*

### Pengenalan

Kakitangan akademia atau pensyarah adalah tunjang utama sesebuah universiti. Mereka mempunyai tugas besar dalam mendidik anak bangsa untuk membentuk modal insan yang bakal membangunkan negara kita pada masa hadapan. Seseorang yang bergelar pensyarah di Universiti Teknologi MARA (UiTM) mempunyai tiga peranan yang utama iaitu pengajaran, penyelidikan atau perundingan atau penulisan, dan khidmat masyarakat atau persatuan profesional (Anon, 2007). Pensyarah memikul tanggungjawab kepada profesion, siswa-siswi, rakan sejawat, universiti, masyarakat dan negara. Semasa melaksanakan tugas dan amanah sebagai pensyarah di UiTM, mereka mestilah mengamalkan nilai dan etika murni iaitu mempunyai integriti, akauntabiliti, menghargai masa, dedikasi, tawaddhu', penambahbaikan berterusan, berdisiplin, bekerjasama, keserjanaan dan bersyukur.

Tugas utama dan terpenting seseorang pensyarah adalah berkaitan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran merupakan proses memberikan syarahan atau menyampaikan ilmu kepada siswa-siswi. Pensyarah secara langsung bertindak sebagai pendidik untuk memberi dan meningkatkan ilmu, membentuk akhlak mulia dan membina budi pekerti luhur di kalangan siswa-siswi. Mereka juga haruslah sentiasa menjadi pendorong semangat dan pemberi nasihat yang baik kepada siswa-siswi. Dalam masa yang sama para pensyarah patut menjadi contoh kepada para siswa-siswi dari segi tingkah laku, sikap, tutur kata, sahsiah rupa diri dan pakaian. Sikap positif dan penampilan pensyarah menjadi nilai pembelajaran tidak langsung kepada para siswa-siswi yang merupakan bakal graduan yang akan dihasilkan oleh universiti.

Pensyarah haruslah sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan atau kepakaran bidang masing-masing melalui aktiviti penyelidikan dan berkongsi ilmu pengetahuan atau kepakaran dalam dan luar gugusan. Aktiviti penyelidikan sama ada tanpa pembiayaan atau dibiayai oleh geran adalah merupakan

kelebihan dan keistimewaan pensyarah meneroka dan mengembangkan ilmu bidang masing-masing. Pensyarah yang beriltizam tinggi dan komited dengan tugasannya akan meningkatkan kewibawaan melalui penulisan, hasil karya, perundingan atau persembahan.

Pensyarah dipandang mulia oleh masyarakat atas ketinggian ilmunya, maka seharusnya ia seiring dengan amalan mulia kepada masyarakat. Pensyarah yang menghayati amanahnya akan sedia berkongsi ilmu dan kepakaran dengan sesiapa sahaja dan bersedia menyebarkan ilmunya kepada masyarakat di sekelilingnya. Konteks khidmat masyarakat yang digariskan oleh universiti merangkumi penglibatan pensyarah dengan kerja amal untuk masyarakat atau menyertai pertubuhan profesional dan badan sukarela. Pensyarah juga merupakan individu yang dapat merangka, merancang, dan melaksanakan aktiviti untuk masyarakat melalui fakulti, jabatan atau universiti.

Universiti merupakan tempat untuk mengembangkan ilmu dan para pensyarah bertanggungjawab untuk menambahkan nilai tambah kepada ilmu mengikut bidang kepakaran masing-masing. Untuk melatih dan memantapkan para pensyarah terhadap peranan mereka kepada universiti, maka UiTM (Pahang) telah melaksanakan banyak aktiviti sejak awal universiti ini ditubuhkan, iaitu pada tahun 1985. Salah satu daripada aktiviti besar yang diketengahkan dalam kertas kerja ini adalah penganjuran Konferensi Akademik (KONAKA) yang bermula pada tahun 2003 sehingga sekarang. Pada tahun 2012 yang lepas telah genap sedekad penganjurannya.

Dalam KONAKA UiTM (Pahang) telah banyak kertas kerja bidang sains teknologi dan sains sosial yang telah dibentangkan dan telah diterbitkan dalam bentuk prosiding bercetak. Penelitian terhadap kertas kerja KONAKA dan seterusnya menganalisis pencapaian sedekad KONAKA dapat memberikan input berguna dalam mencari kekuatan, menambahbaik dan ruang pembaharuan dalam meningkatkan kecemerlangan pensyarah dalam bidang akademik, penyelidikan dan penulisan. Oleh itu, data-data tersedia ada dalam Prosiding KONAKA UiTM (Pahang) 2003-2012 diekstrak, diteliti dan dimanipulasi untuk mengetengahkan pencapaian sedekad konferensi ini. Objektif kertas kerja ini adalah untuk mengetengahkan kecemerlangan akademik, penyelidikan dan penulisan setelah sedekad KONAKA UiTM (Pahang), memberikan cadangan sebagai skop untuk penambahbaikan dan pembaharuan, serta membincangkan cabaran dan masa depan konferensi ini.

## **Pencapaian dalam Sedekad KONAKA**

### **Pengurusan Kepimpinan melalui Tema KONAKA**

Universiti dibina dan diurus untuk melahirkan modal insan masa hadapan. UiTM (Pahang) mengorak langkah menyahut saranan kerajaan untuk memberikan pendidikan peringkat tinggi yang terbaik kepada siswa-siswi. Salah satu usaha murni yang cukup penting dan berkesan adalah penganjuran KONAKA UiTM (Pahang) yang mempunyai objektif yang jelas:

- a) Mendedahkan hala tuju program dalam mencapai kecemerlangan akademik
- b) Mewujudkan tempat wacana intelektual bagi membincangkan idea terkini dalam pelbagai bidang keilmuan
- c) Menjadi pemangkin kepada cetusan idea bagi memperkasakan pencapaian kecemerlangan akademik
- d) Memantapkan konsep kepimpinan melalui tauladan di kalangan warga akademik UiTM (Pahang).

Bertitik tolak kepada matlamat asal ini, setiap tahun tema KONAKA dipilih berdasarkan keperluan dan kehendak semasa universiti (Jadual 1). KONAKA bertindak sebagai satu platform kepada semua pensyarah UiTM (Pahang) untuk menulis, menerbit dan membentangkan kertas kerja berbentuk sains teknologi dan sains sosial. Tema yang telah dipilih begitu relevan kerana ia sangat berkait dengan pengembangan bidang akademik, perkongsian hasil penyelidikan serta untuk penambahbaikan pengurusan universiti.

Jadual 1: Tema KONAKA bermula 2003 sehingga 2012

Bil.	Tahun	Tema
1.	2003	(tiada tema khusus)
2.	2004	<i>Pembudayaan Pengajaran dan Penyelidikan Berkualiti</i>
3.	2005	<i>Pemantapan Penyelidikan ke arah Kecemerlangan Universiti</i>
4.	2006	<i>Pengajaran dan Pembelajaran: Isu, Cabaran dan Pemantapan ke arah Kecemerlangan Akademik</i>
5.	2007	<i>Perancangan Strategik UiTM Pahang ke arah Kecemerlangan</i>
6.	2008	<i>Ke arah Pemantapan Akademik melalui Visi Kepimpinan</i>
7.	2009	<i>Penyelidikan Menjana Inovasi dan Penyelidikan Berkualiti</i>
8.	2010	<i>Kreativiti dan Inovasi Pemangkin Kecemerlangan Akademik</i>
9.	2011	<i>Penyelidikan dan Penulisan Budaya Pensyarah UiTM Pahang</i>
10.	2012	<i>Transformasi Pensyarah ke arah Kecemerlangan Akademik</i>


### Pencapaian Penyelidikan dan Penulisan

Platform yang disediakan oleh UiTM (Pahang) iaitu mengadakan konferensi akademik setiap tahun adalah sangat baik untuk menggalakkan budaya penulisan dan penyelidikan, di samping menyertai konferensi di tempat lain (kebangsaan mahupun antarabangsa). Sejak dari mula penganjuran KONAKA, sambutan terhadap KONAKA sangat memberangsangkan. Dua kategori kertas kerja penuh iaitu lisan dan poster telah dimulakan sejak 2003 dan sehingga tahun 2012, KONAKA telah berjaya menerbitkan sebanyak 1,085 buah kertas kerja (Jadual 2). Data ini secara khususnya menunjukkan KONAKA secara langsung telah menyokong aspirasi UiTM untuk menjadi sebuah universiti yang unggul dan telah mendokong beberapa strategi utama UiTM, antaranya penghasilan penulisan, penerbitan dan penambahbaikan dalam governans atau urus tadbir akademik (Anon, 2001).

Bilangan kertas kerja, bilangan penulis yang terlibat dan purata penulis/kertas kerja adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 2. Walaupun bilangan penulisan yang tidak menunjukkan trend yang menarik (Rajah 1), ini bukan bermaksud para pensyarah tidak konsisten dalam profesion mereka. Sebaliknya tema bagi konferensi dilihat akan menentukan bilangan kertas kerja bagi tahun berkenaan. Misalnya, tahun 2007 membawa tema "*Perancangan Strategik UiTM Pahang ke arah Kecemerlangan*" memberi ruang terhad kepada ketua unit atau bahagian masing-masing membentangkan perancangan unit atau bahagian masing-masing. Oleh itu bilangan kertas kerja hanyalah 15 sahaja. Sebaliknya, tema tahun 2012 lebih umum iaitu "*Transformasi Pensyarah ke arah Kecemerlangan Akademik*", maka membuka ruang dan peluang yang lebih luas kepada para pensyarah membentangkan kertas kerja bidang masing-masing. Tema umum juga dilihat membantu membawa para pensyarah bekerja sebagai satu pasukan. Bilangan kertas kerja paling tinggi dalam sedekad KONAKA iaitu sejumlah 82 buah berjaya diterbitkan pada tahun 2012, yang mana telah melibatkan seramai 283 orang pensyarah. Ini merupakan satu kejayaan bagi para pensyarah UiTM (Pahang) kerana berjaya memenuhi peranan mereka seperti yang telah digariskan oleh universiti. Sebagai tambahan, digalakkan juga pensyarah yang berkhidmat kurang dari lima tahun supaya berusaha untuk menyumbang sebagai penulis utama berbanding pensyarah senior yang lebih berpengalaman. Manakala pensyarah senior pula boleh menjadi rujukan serta pembimbing dan seterusnya sebagai ahli penulis bersama dalam penghasilan kertas kerja. Ini dapat membina satu jalinan yang kukuh dalam proses penambahbaikan dalam bidang penyelidikan dan penulisan dalam institusi UiTM (Pahang) khasnya dan UiTM amnya.


Jadual 2: Bilangan penulisan dan penglibatan pensyarah dalam penulisan dalam sedekad KONAKA

Tahun	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Bilangan kertas kerja penuh	26	36	36	30	15	27	42	29	60	82
Bilangan penulis	37	65	82	75	40	50	125	116	212	283
Purata penulis /kertas kerja	1.4	1.8	2.3	2.5	2.6	1.8	3	4	3.5	3.4




Rajah 1: Bilangan kertas kerja penuh (bidang sains sosial dan sains teknologi) mengikut tahun

Pembentangan sama ada secara lisan atau poster untuk tahun berbeza dilihat tidak tertakluk kepada tema. Secara amnya jika diperhatikan pada setiap tahun pembentangan kertas kerja didominasi oleh bidang sains sosial (Rajah 2). Hasil analisa menunjukkan kertas kerja berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) mendapat tempat di kalangan pensyarah. Jelas bahawa pensyarah UiTM (Pahang) sentiasa komited dan berusaha untuk memberikan sumbangan akademik terbaik untuk siswa-siswi, di samping mengutarakan idea bernas untuk memudahkan pengurusan universiti. Kertas kerja penuh bidang sains dan teknologi kurang berbanding sains sosial, tetapi tidak bermaksud para pensyarahnya pasif, sebaliknya kertas kerja sains teknologi yang bersifat teknikal lebih sesuai untuk diterbitkan dalam jurnal yang spesifik atau konferensi lain yang bersesuaian.



Rajah 2: Perbandingan jumlah kertas kerja sains sosial (SS) dan sains teknologi (ST) mengikut tahun

Kategori inovasi telah diperkenalkan dalam KONAKA UiTM (Pahang) sejak 2009. Sehingga tahun 2012, KONAKA telah berjaya mempamerkan 40 hasil inovasi. Hasil analisa juga menunjukkan penglibatan para pensyarah sains teknologi melebihi sains sosial untuk kategori inovasi (Rajah 3). Hasil kajian dan pengamatan mendapati produk daripada penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi telah diterjemahkan kepada kategori inovasi dengan amat baik dan berkesan sekali. Ini merupakan satu perkembangan yang sihat, iaitu para pensyarah terlibat berkongsi ilmu dan idea dengan cara mempamerkan hasil untuk tatapan rakan-rakan, seterusnya akan menjadi motivasi kepada yang lain untuk mengikuti jejak mereka.



Rajah 3: Perbandingan pembentangan inovasi sains sosial (SS) dan sains teknologi (ST) mengikut tahun

Penyertaan dalam KONAKA memberi pulangan yang mengesankan kepada para penyarah. Mereka telah mendapat satu penulisan (atau mungkin lebih daripada satu) apabila menghantar kertas kerja dalam KONAKA. Selain penyertaan, sumbangan penulisan dalam KONAKA adalah sebagai satu cara untuk mendapatkan ganjaran dalam bentuk sijil penyertaan, sijil penghargaan serta plak apabila memenangi pertandingan yang dianjurkan. Ini adalah kerana dalam KONAKA ini, terdapat beberapa pertandingan. Di antara perkara yang dipertandingkan ialah penghasilan kertas kerja terbaik, pembentangan lisan dan poster terbaik serta pembentangan inovasi terbaik. Secara tidak langsung penyertaan ini dapat memberi nilai tambah di dalam laporan prestasi tahunan penyarah serta boleh diambil kira dalam proses kenaikan pangkat bagi penyarah yang terlibat. Pengurusan yang berjaya dan berkesan mempunyai cara yang objektif untuk menilai dan mengenalpasti kakitangan yang layak untuk kenaikan pangkat (Silverstein, 2007). Kejayaan memenangi anugerah dalam KONAKA misalnya adalah indikator paling mudah bagi pihak pengurusan mengiktiraf dan mengenali para penyarah yang layak untuk dinaikkan pangkat. Diharapkan juga kertas kerja yang telah dibentangkan semasa KONAKA diberikan perhatian dan pengiktirafan yang sewajarnya dalam penilaian dan pemarkahan seperti dalam Anugerah Kualiti Rektor (AkuR), Anugerah Persada Bestari (APB) dan lain-lain lagi.

## **Penambahbaikan dan Pembaharuan KONAKA**

Sedekad sudah KONAKA menempuh banyak kepayahan yang telah dapat diatasi dengan penuh bijaksana oleh semua ahli jawatankuasa (AJK) terlibat. Walau ada rintangan namun KONAKA tetap masih berjalan dengan gagah dan telah memartabatkan dunia keilmuan di kalangan penyarah UiTM (Pahang). Masa depan KONAKA sama ada diteruskan atau ditamatkan riwayatnya bergantung kepada pihak pengurusan serta AJK KONAKA itu sendiri iaitu penggeraknya di kalangan kita semua yang menawarkan diri dan terpilih. Untuk memastikan bahawa KONAKA terus relevan pada masa akan datang, maka penambahbaikan dan pembaharuan seharusnya dilakukan berterusan agar KONAKA akan terus menjadi satu wadah bagi semua penyarah UiTM (Pahang) untuk terus maju ke hadapan.

UiTM yang kita cintai ini sendiri telah melaksanakan program Penstrukturan Universiti Teknologi MARA 2001-2010 agar UiTM menjadi satu universiti unggul bertaraf dunia, terus cemerlang, gemilang dan terbilang (Anon, 2004). Salah satu fokus program tersebut adalah agar UiTM mempunyai tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran dan kelayakan yang mampu menaikkan nama Universiti Teknologi MARA. Tan Sri Musa Mohamad (2001) telah memaklumkan bahawa IPTA perlu berusaha ke arah pencapaian *world-class academic excellence* dan budaya kecemerlangan akademik perlu disemarakkan dan potensi akademik dimaksimakan sepenuhnya di kalangan para akademia. Keyakinan kita bahawa KONAKA mampu mengorak langkah yang lebih jauh lagi dalam memartabatkan nama UiTM sekiranya semua penyarah UiTM (Pahang) memainkan peranan mereka sebagai seorang penyarah yang berilmu tinggi, berkemampuan dan berketerampilan selayaknya.

### **Jawatankuasa Bertindak**

Sejak KONAKA dijalankan dari tahun 2003, ianya telah digerakkan oleh satu kumpulan AJK yang dilantik atas inisiatif dan kerelaan penyarah sendiri. Semua permasalahan yang ada dan timbul ketika itu diatasi bersama oleh semua AJK yang dilantik. Kini sudah tiba masanya satu jawatankuasa bertindak dicadangkan untuk diwujudkan bagi meningkatkan lagi martabat KONAKA. Jawatankuasa ini akan melibatkan para penyarah yang tidak berada dalam AJK KONAKA. Jawatankuasa ini dicadangkan diambil daripada penyarah senior atau mungkin penyarah luar yang berpengalaman dalam pengendalian seminar atau konferensi serta aktif dalam bidang penulisan. Jawatankuasa ini akan bertindak memantau dan mengenalpasti kelemahan perjalanan KONAKA dan mencadangkan pembaharuan.

Jawatankuasa bertindak akan mengkaji dan menilai semua kertas kerja yang mempunyai nilai tambah kepada pengurusan, akademik dan penyelidikan. Kertas kerja yang dapat diyakini mampu memberikan penambahbaikan kepada pengurusan universiti akan dipanjangkan untuk kajian lanjutan dan tindakan yang sepatutnya. Dengan bantuan Jawatankuasa Penulisan UiTM (Pahang) pula, kertas kerja yang mempunyai nilai akademik (sebelum diterbitkan) pula boleh dicadangkan untuk diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi.

## Penjimatan Kos

Sejak awal KONAKA diadakan sehingga tahun 2011, semua kertas kerja telah diterbitkan dalam prosiding bercetak dan diedarkan kepada semua pensyarah UiTM (Pahang). Prosiding tersebut juga diedarkan kepada beberapa perpustakaan luar apabila ianya siap dicetak sendiri oleh UiTM (Pahang). Penerbitan prosiding memerlukan perbelanjaan yang agak tinggi serta memerlukan banyak masa untuk memastikan prosiding yang terhasil bermutu tinggi. Memandangkan kos cetakan dan kertas yang meningkat, prosiding KONAKA 2012 telah dikeluarkan dalam bentuk e-prosiding CD (*compact disk*). Kaedah ini telah menjimatkan masa dan kos penerbitan.

Perbelanjaan KONAKA juga termasuk lokasi di mana ia dianjurkan. Secara amnya, kos meningkat dengan ketara sekiranya ia melibatkan penginapan di hotel atau sewaan dewan konferensi. Penjimatan kos dapat diatasi sekiranya KONAKA dijalankan dalam kampus UiTM (Pahang). Pada tahun 2012, KONAKA telah berlangsung di luar kampus dan diadakan serentak dengan malam Anugerah Persada Bestari. Ini adalah salah satu cara di mana kos pengendalian dapat dijimatkan dan masalah kehadiran mungkin dapat diatasi. Mungkin sumbangan daripada pensyarah sendiri dalam bentuk wang tunai dapat meningkatkan lagi kemeriahan kedua aktiviti tahunan ini dan perkara ini boleh dibincangkan lagi.

## Cabaran dan Masa Depan KONAKA

### Isu Semasa KONAKA

Dalam merealisasikan KONAKA agar berjaya dilaksanakan terdapat beberapa isu dan cabaran di luar jangkaan. Cabaran yang utama dan terpenting berkaitan etika penulisan. Ramai para pensyarah berusaha menghasilkan kertas kerja yang baik dan bermutu untuk pembentangan. Namun terdapat segelintir daripadanya seakan terlupa atau mungkin betul-betul lupa etika penulisan dan penerbitan. Ada kertas kerja para pelajar di bawah seliaan mereka diambil dan terus disertakan untuk KONAKA tanpa membuat penambahbaikan terhadap kertas kerja tersebut. Apa yang bertukar ialah nama pensyarah didahulukan dan nama pelajar yang bertungkus lumus menulis menjadi penulis kedua atau ketiga dan sebagainya. Perkara sebegini walaupun melibatkan kelompok kecil tetapi akan terpalit jua secara total terhadap kualiti dan kredibiliti prosiding KONAKA. Peringatan berterusan daripada pihak penganjur serta ingatan daripada rakan sejawat pasti membantu mengatasi masalah ini. Plagiat dalam penulisan juga patut dielakkan dan pada ketika ini mungkin perlu untuk AJK Kertas Kerja menggunakan perisian *Turnitin* bagi mengekang masalah ini daripada mencemarkan kualiti dan kredibiliti prosiding KONAKA secara keseluruhannya.

Satu lagi cabaran yang dihadapi oleh urusetia KONAKA adalah komitmen para pensyarah iaitu kehadiran semasa konferensi dijalankan. Laporan *post-mortem* KONAKA sering membangkitkan isu ketidakhadiran pensyarah dan tandatangan kehadiran yang selalu dipertikaikan. Kemungkinan bagi mereka yang tidak komited menganggapkan bahawa KONAKA itu sendiri tidak mempunyai tempat di hati mereka atau pun mungkin nilai KONAKA itu rendah jika dibandingkan dengan konferensi luar negara yang mereka hadiri. Sikap ini perlu dikikis oleh pensyarah yang terlibat dan semua pensyarah UiTM (Pahang) patut bersama dalam satu kumpulan dan berusaha untuk memartabatkan KONAKA di peringkat yang lebih tinggi.

### Platform Perkongsian Pelaksanaan Sistem dan Prosedur

UiTM (Pahang) sering menyertai pertandingan dan sering pula membawa pulang pelbagai anugerah. Sekalung tahniah diucapkan kepada kumpulan-kumpulan yang telah menyertai pertandingan seperti Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) dan juga peserta pertandingan *Invention, Innovation and Design* (IID). Selayaknya kakitangan yang menunjukkan pencapaian yang membanggakan patut diberikan penghargaan yang sewajarnya kerana ini akan menaikkan lagi semangat mereka untuk terus maju ke depan dan sebagai motivasi dalaman yang mengagumkan (Bowen, 2000). Memang tidak dinafikan penglibatan dan penyertaan kumpulan telah menyumbang kecemerlangan kualiti akademik dan penyelidikan untuk UiTM (Pahang). Kumpulan-kumpulan ini khususnya kumpulan KIK wajar diberikan peluang eksklusif untuk membentangkan projek sebagai pembentang plenari dalam KONAKA untuk memastikan semua pensyarah maklum tentang pembaharuan yang telah dibuat. Apa yang lebih penting ialah untuk memastikan pembaharuan itu boleh diamalkan dalam sistem UiTM (Pahang) sendiri dan tidak berakhir dengan pertandingan.

### **Etika dan Deklarasi Penulis**

Daripada analisis bilangan penulis yang menyumbang kertas kerja dalam KONAKA ini telah menunjukkan peningkatan yang mendadak. Ini adalah suatu petunjuk yang positif dan sangat memberangsangkan dalam usaha menghasilkan ramai penulis yang menghasilkan idea-idea baru. Namun dalam keghairahan menghasilkan penulisan ini, para penulis sepatutnya maklum dengan etika penulisan. Etika penulisan ini secara amnya telah dibentangkan dalam KONAKA 2007 (Muzamil et al., 2007) dan turut ditekankan semasa Konferensi akademik UiTM Malaysia (Shad Saleem, 2013). Prinsip menang-menang dalam menghasilkan penulisan mesti mematuhi etika penulisan. Bagi meningkatkan kredibiliti KONAKA ini, dicadangkan jawatankuasa kertas kerja menyediakan borang deklarasasi untuk diisi oleh para penulis. Dalam borang deklarasasi ini akan menyatakan peranan dan sumbangan para penulis yang melayakkannya mereka menjadi penulis bersama.

### **Usaha Menaiktaraf KONAKA**

KONAKA yang dianjurkan oleh UiTM (Pahang) telah mencapai sedekad usianya. Banyak kertas kerja yang mempunyai potensi dalam memajukan UiTM (Pahang) khususnya dan UiTM amnya. Para penulis harus berusaha dengan lebih gigih lagi untuk meningkatkan idea dan cadangan dalam memajukan UiTM (Pahang) dengan berkongsi pengalaman dan menjalinkan kerjasama pintar dengan para penulis daripada universiti atau organisasi luar sama ada dari dalam negara mahupun luar negara. Secara tidak langsung, penglibatan penulis daripada universiti atau organisasi luar ini boleh menaiktarafkan penerimaan kertas kerja KONAKA UiTM (Pahang) ke tahap kebangsaan dan sekiranya boleh, terus maju ke tahap antarabangsa.

### **Kertas Kerja Pengurusan *versus* Kertas Kerja Bukan Pengurusan (Sains Sosial dan Sains Teknologi)**

Dalam peringkat awal penganjuran KONAKA, bilangan pensyarah sebagai penulis adalah tidak ramai. Pada ketika itu, untuk meningkatkan jumlah pembentangan kertas kerja dan penulis, jawatankuasa menerima kedua-dua jenis penulisan iaitu sains sosial dan sains teknologi. Perlu diingatkan bahawa di UiTM (Pahang) ada beberapa platform lain yang boleh dipertimbangkan untuk penghantaran kertas kerja dan manuskrip penulisan saintifik seperti Jurnal Gading, Seminar Antarabangsa Sains, Teknologi dan Sains Sosial, Prosiding Kolokium dan COMPASS. Para penulis kertas kerja bukan pengurusan dicadangkan untuk menghantarnya kepada penerbit jurnal yang berkaitan di dalam atau luar sistem UiTM (Pahang). Platform KONAKA ini sepatutnya lebih terarah dan fokus kepada perbincangan pembangunan, pelaksanaan dan kemajuan program dan pengurusan akademik mahupun pelajar iaitu melibatkan kertas kerja pengurusan seperti yang dianjurkan di UiTM Malaysia (Bender, 2003).

Masa yang diperuntukkan dalam membincangkan isu-isu akademik atau pelajar dalam mesyuarat akademik adalah terlalu terhad. Semasa penganjuran KONAKA inilah, peluang perbincangan patut disemarakkan dengan idea-idea yang bernas, pelaksanaan yang cekap dengan kos pembaharuan dan pengurusan yang minimum. Sehingga kertas kerja ini ditulis, UiTM (Pahang) mempunyai seramai 511 orang pensyarah dengan pecahan 333 orang pensyarah tetap, 16 orang pensyarah kontrak, 19 orang Tenaga Pengajar Muda dan 143 orang pensyarah sepenuh masa-separuh masa (pakej). Sumber tenaga manusia ini, sekiranya digemblengkan, pasti akan menghasilkan banyak idea untuk program pembangunan akademik. Usaha yang pernah dibuat seperti sesi bengkel pada penganjuran KONAKA tahun 2003 dan 2004 patut diwujudkan semula. Bukan setakat berakhir dengan bengkel, ia sepatutnya disusuli oleh jawatankuasa bertindak untuk mengkaji cadangan, pelaksanaan, kos dan lain-lain yang berkaitan untuk diangkat sebagai suatu program pembangunan akademik atau pelajar atau proses pembaharuan dalam pengurusan akademik atau pelajar.

### **Kesimpulan**

Masa depan KONAKA amat cerah di mana ianya masih menjadi satu platform yang dinamik untuk pensyarah menyampaikan pandangan, idea, pembaharuan dan juga penemuan mereka dalam penyelidikan berkaitan bidang pengurusan, akademik dan kepakaran masing-masing. Diharapkan juga hasil analisis data dan cadangan yang telah dikemukakan dapat diteliti untuk penambahbaikan governans atau urus tadbir akademik di UiTM (Pahang). Aspek pentadbiran dan pengurusan akademik dapat diperbaiki dan dipulihkan dengan cara yang baik, tersusun dan cekap. Kejayaan universiti bukan sahaja apabila pihak pengurusan menitikberatkan sistem dan teknologi, sebaliknya mengambil kira dan meletakkan keutamaan terhadap

“*manusia*” terutamanya para pensyarah sebagai komponen terpenting dalam melakukan perubahan di UiTM (Pahang) ini.

## Rujukan

- Anon. (2001). *21 Strategi Pengukuhan Universiti Teknologi MARA Abad 21*. Selangor: Universiti Teknologi MARA.
- Anon. (2004). *Penstrukturan Universiti Teknologi MARA 2001-2010: Ke arah Universiti Unggul Bertaraf Dunia. Cemerlang, Gemilang dan Terbilang*. Selangor: Universiti Teknologi MARA.
- Anon. (2007). *Nilai dan Etika Pensyarah Universiti Teknologi MARA*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Bender, A. (2013). Strategizing to Strengthen Research Culture: Towards Developing World Class Higher Education. *Konferensi Akademik UiTM 2013*, 30-31 January, Shah Alam, Selangor.
- Bowen, R.B. (2000). *Recognizing and Rewarding Employees*. USA: The McGraw Hill Companies, Inc.
- Musa Mohamad. (2001). Ucapan perasmian Seminar on Corporate Governance for Board Members of Public Universities-Towards Excellence in Corporate Governance, 19-20th September, Kuala Lumpur.
- Muzamil, M., Sarina, H., Megat Ahmad Kamal, M.H., & Kamisah, A. (2007). Penulisan dan Penerbitan Akademik: Etika dan Perancangan Strategik UiTM Pahang. *Prosiding KONAKA 2007*: 109-134.
- Shad Saleem, F. (2013) Academic Integrity and Ethics. *Konferensi Akademik UiTM 2013*, 30-31 January, Shah Alam, Selangor.
- Silverstein, B. (2007). *Evaluating Performance: How to Appraise, Promote, and Fire*. USA: Hylas Publishing.
- 
- MUZAMIL MUSTAFFA, SARINA HASHIM, JAMALUDIN KASIM, AINUN JARIAH MANAF, FATIMAH ABDOL LATIF & WAN SITI ATIKAH WAN OMAR.  
Universiti Teknologi MARA (Pahang).  
mmuzamil@pahang.uitm.edu.my,hsarina@pahang.uitm.edu.my,djamal@pahang.uitm.edu.my,  
ainun@pahang.uitm.edu.my, fatimah@pahang.uitm.edu.my, atikah\_bio@pahang.uitm.edu.my.